

Akta baru perkasakan Relia, JPAM

Oleh RAIS YEOP JOHARI
pengarang@utusan.com.my



SEREMBAN 12 Nov. - Akta baru melibatkan pemerkasaan peranan Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) akan digubal bagi memperluaskan fungsi kedua-dua agensi itu dalam menangani isu keselamatan negara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, usaha mewujudkan undang-undang baru itu selaras dengan perkembangan semasa dan pengubah-lannya perlu bertepatan pemansuhan beberapa enakmen termasuk Ordinan Darurat.

“Akta tersebut akan menentukan matlamat dan hala tuju baru bagi Relia dan JPAM untuk sentiasa bersedia bagi menghadapi pelbagai ancaman terhadap negara sama ada dari dalam atau luar.

“Awal tahun depan maka mulalah era baru bagi Relia dan JPAM yang telah diwujudkan untuk menangani ancaman komunis, untuk dilihat pengisiannya yang lebih relevan dan bermakna untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Perhimpunan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) peringkat kebang-

saan kali ke-2, di Kompleks Sukan Tunku Najihah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah JPAM, Datuk Sulaiman Keling, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda serta Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dr. Rujhan Mustafa.

Menurut Hishammuddin, akta tersebut sedang dikaji Jabatan Peguam Negara termasuk pihak kementerian.

Terdahulu Hishammuddin dalam ucapannya mengingatkan generasi muda agar bersedia mempertahankan negara dan menghadapi cabaran daripada gerakan-gerakan negatif yang mahu mengganggu kehormatan sejagat.

“Golongan generasi muda yang menyertai badan sukarlawanan seperti JPAM ini dapat menyemai semangat patriotisme dan integrasi, sekali gus melahirkan golongan muda yang mempunyai semangat berpasukan dan cintakan negara.

“JPAM diikuti mempunyai peranan yang penting dalam memberi perlindungan kepada penduduk awam apabila negara dilanda krisis, bencana atau peperangan,” katanya.

Seramai 1,172 peserta mewakili 16 buah institusi pengajian tinggi awam terlibat dalam perhimpunan berkenaan dan Universiti Malaysia Terengganu muncul johan keseluruhan bagi pertandingan perhimpunan Kor SISPA.

HISHAMMUDDIN Tun Hussein memberikan tabik hormat pada majlis penutupan Perhimpunan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Ke-2 di Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM, Nilai, semalam.